

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN LOKE SIEW FOOK
[SEREMBAN]**

TARIKH : 17 MEI 2016

SOALAN :

YB Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah 744 pelajar cemerlang SPM 2013 yang menerima bursari JPA untuk kursus pra-universiti dan sepatutnya ditawarkan biasiswa penuh untuk program ijazah pertama telah ditukar menjadi pinjaman boleh ubah.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, 744 pelajar cemerlang seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah bukan SPM 2013 sebaliknya adalah pelajar cemerlang SPM 2014.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Bursary merupakan program penajaan kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang memperoleh 9A+ ke atas dan akan diberi penajaan secara automatik di peringkat persediaan di bawah anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Pelajar yang menamatkan kursus persediaan dengan jayanya boleh memohon penajaan Program Lepas Bursary sekiranya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Mesyuarat Jemaah Menteri pada 11 Mac 2016 telah bersetuju bahawa mulai tahun 2016, JPA akan melaksanakan Model Baharu Penajaan JPA yang mana pembiayaan bagi program-program tajaan JPA kepada pelajar adalah dalam bentuk Pinjaman Boleh Ubah (PBU).

Sekian, terima kasih.